

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS TAHUN 2020**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PROF. MADYA DR. RUSNAH BT. ALUAI  
( TANGGA BATU )**

**SOALAN**

**YB PROF. MADYA DR. RUSNAH BT. ALUAI ( TANGGA BATU )** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status kawalan keselamatan pantai terutamanya di Melaka, adakah empat bot ronda zon selatan dalam keadaan baik dan dapat digunakan dalam mengawal keselamatan pantai untuk mengelakkan kes kecurian bot nelayan berulang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-pertua,

Perairan di negeri Melaka terletak dibawah perintah dan kawalan Pasukan Polis Marin (PPM), Jabatan KDNKA PDRM Wilayah (2) yang beribupejabat di Tampoi, Johor. PPM PDRM Wilayah (2) merupakan Markas Operasi yang bertanggungjawab bagi menjaga keselamatan di perairan tersebut.

Terdapat dua (2) pangkalan Pasukan Polis Marin (PPM) di negeri Melaka iaitu di CIQ Bandar Hilir Melaka dan di Kuala Linggi, Melaka yang masing-masing mempunyai tiga (3) buah bot ronda. 4 daripada 6 bot ronda tersebut berada dalam keadaan baik dan beroperasi sepenuhnya manakala sebanyak dua 2 buah lagi di dalam proses penyelenggaraan.

Selain itu, pewujudan *National Task Force* (NTF) yang melibatkan PDRM, ATM dan APMM di sektor 6 Melaka/Negeri Sembilan telah menempatkan sebanyak dua (2) buah kapal TLDM dan sebuah bot APMM bagi memperkukuh kawalan keselamatan di perairan Melaka dan Negeri Sembilan.

(PPM) juga tiada halangan dan sentiasa dalam keadaan siap siaga untuk menggerakkan bot ronda dari zon lain seperti Muar dan Kukup sekiranya berlaku ancaman keselamatan di perairan Negeri Melaka.